

**Majlis Mesyuarat disambung
semula pada pukul 2.00 petang**

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

اللَّهُمَّ إِنِّي أُورْخَمُتُ بِسَمْعِ النَّبِيِّ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita masih lagi membincangkan Perkara VI. Usul-Usul Yang Diberi Notis yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, yang telah menyembahkan sembah junjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, di Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Keempat Belas yang telah berlangsung semalam dengan penuh adat istiadat.

Sekarang, saya sambung semula perbincangan kita pada pagi tadi dengan mula-mula menjemput Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abd. Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Haji Abdul Rahim. Silakan Yang Berhormat.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya
Putera Maharaja Dato Paduka
Awang Haji Abd. Ghani bin
Pehin Datu Pekerma Dewa Dato
Paduka Haji Abdul Rahim:**

اللَّهُمَّ إِنِّي أُورْخَمُتُ بِسَمْعِ النَّبِيِّ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Alhamdulillah, Wassalatu Wassala Muaala Rasulillah Wa'ala Alihi Wasahbihi Wamantabiahu Wawallah. Rabbi Ad Khilni Mudkhlasidiqin Wa akhraj Al Siddiqin Wajali Miladun Ka Sultana Nasiraa.

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Saya dengan hati yang jernih sukacita menyokong cadangan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, yang telah menyembahkan sembah junjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, di Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Keempat Belas yang telah berlangsung semalam dengan penuh adat istiadat.

Alhamdulillah Wa Syukrulillah atas rahmat Allah Subhanahu Wata'ala yang telah mengizinkan kita berhimpun di Dewan yang mulia pada petang ini dalam keadaan sihat walafiat dan dalam keadaan negara yang aman dan makmur.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Dikesempatan ini, izinkan saya menyentuh sedikit mengenai dengan kurnia titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Sesungguhnya inti pati titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam itu, merupakan satu manifestasi kasih

sayang baginda kepada rakyat dan negara.

Inti pati titah baginda yang ingin saya sentuh secara khusus di sini ialah aspek penguatkuasaan akta dan undang-undang negara, yang kelihatannya masih lagi longgar. Perkara ini saya ingin mengaitkannya dengan perkembangan ekonomi negara kita ini yang tampak jelas masih dikuasai oleh orang-orang luar. Di mana-mana orang bercakap mengatakan ekonomi negara dikuasai oleh orang-orang luar. Saya sarankan supaya akta yang berkenaan yang berkuasa menangani hal ini antaranya seperti Akta Buruh dan Imigresen dan akta-akta lain yang berkenaan haruslah dikuatkuasakan dengan sebaik-baiknya. Kajian serius harus dibuat, bagaimana orang-orang luar ini boleh terlibat dalam perniagaan di negara kita.

Selama ini kita hanya melihat mereka itu berkecimpung dalam bidang perniagaan, seolah-olah mereka itu mendapat kebenaran khusus berniaga. Adakah perkara ini benar ataupun dibayangi oleh satu-satu hal yang lain? Saya ingin tahu statistik sebenarnya kedudukan orang-orang asing yang berniaga di negara ini, adakah sudah dibuat kajian berapa jumlah mereka yang terlibat secara sah. Perkara ini penting kita ketengahkan, kerana tempias daripada keadaan yang berlaku di negara jiran kita. Bertahun-tahun lamanya orang-orang asing berniaga seolah-olah mereka mendapat kebenaran khusus tetapi apabila dilancarkan satu kajian rupanya mereka

itu banyak yang berniaga dan berusaha di negara itu secara haram.

Dalam hubungan ini, saya ingin bertanya kepada kementerian berkenaan, adakah sudah kajian dibuat mengenai kedudukan mereka ini? Saya tidak mengkhususkan *nationality* daripada bangsa-bangsa mana tetapi sekadar mengatakan orang luar. Itu saja yang kaola akan sentuh Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Insya-Allah mengenai perkara-perkara lain yang terdapat dalam kurnia titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semalam akan saya sentuh dalam kesempatan lain semasa persidangan berjalan nanti.

Akhirnya marilah kita mengambil semangat persidangan yang mulia ini, dengan berazam dan bertekad untuk melaksanakan serta menjunjung tinggi titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam itu, dengan penuh komitmen dan penghayatan serta penuh tanggungjawab. Mana-mana yang masih longgar hendaklah kita perketatkan seperti mana kandungan inti pati titah baginda itu dan seperti mana juga maksud Hadis Rasulullah Sallullahu Wasallam:-

عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ : سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ : مَنْ رَأَى مِنْكُمْ مُنْكَرًا فَلْيُعْبِرْهُ بِيَدِهِ، قَالَ لَمْ يَسْتَطِعْ فَيُلْسَانِيهِ، قَالَ لَمْ يَسْتَطِعْ فَيُقْلِبِيهِ وَذَلِكَ أَضْعَفَ إِلَيْمَانَ . روایہ مسلم

Tafsirnya: Sesiapa antara kamu yang melihat kemungkaran yang berlaku dalam masyarakatnya maka hendaklah ia mengubahnya dengan tangannya iaitu dengan kuasanya. Jika ianya tidak berkesanggupan dan tidak berdaya lisannya iaitu dengan kata-katanya atau nasihatnya. Jika ia juga tiada berdaya dan berjaya maka dengan hatinya. Sesungguhnya itu adalah selemah-lemah iman. Janganlah kita menjadi golongan yang terakhir itu iaitu orang yang selemah-lemah imannya dengan meletakkan semuanya dalam hadis sahaja.

Sekian. Wabillahitaufik walhidayah Assalamualaikum Warahmatullahi Ta’ala Wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Saya persilakan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu. Silakan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu:

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَّكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ dan salam sejahtera. Yang Berhormat

Yang Di-Pertua, Ahli-Ahli Yang Berhormat dan para hadirin yang dihormati sekalian.

Sebagai pembuka kata dengan ikhlasnya peramba/kaola/saya lebih dahulu ingin menyatakan sokongan peramba/kaola dengan sepenuhnya Usul yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri atas ucapan Yang Berhormat mengenai titah yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu’izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddien Sa’adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Keempat Belas Majlis Mesyuarat Negara. Titah-titah tersebut telah merangkum semua permasalahan yang perlu diambil tindakan sesegera-segeranya.

Di samping itu, peramba/kaola/saya sangat-sangat menjunjung kasih juga atas titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu’izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddien Sa’adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha

Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Keempat Belas Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Apa-apa yang telah dititahkan sangat-sangat menyayat hati kerana titah tersebut telah dengan nyata memberikan gambaran yang sangat titih dan menyayat perasaan. Semua yang dititahkan telah menampakkan sesuatu kekecewaan daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sendiri. Peramba/kaola/saya sangat-sangat menyokong sepenuhnya apa yang telah dititahkan yang antara titah tersebut ia sangat bermanfaat demi ekonomi negara.

Sebagai rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang jujur, taat setia lagi berbelah bahagi peramba/kaola/saya berpendapat agar apa yang telah dititahkan akan dapat dibincangkan dan dijadikan sebagai satu perbincangan dalam perancangan yang

konkrit dan jujur kerana ia sangat-sangat diperlukan demi memastikan negara dapat maju ke hadapan dan bukan terbiar dengan masalah-masalah.

Dalam perkara ini, peramba/kaola/saya juga meminta agar kementerian-kementerian berkenaan dapat mengambil perhatian dengan membuat penilaian perubahan-perubahan tanpa berlengah-lengah lagi. Insya-Allah, dengan keikhlasan dan kerjasama semua, kita akan dapat mendapat perubahan yang diharap-harapkan demi kemajuan, kejayaan ekonomi negara.

Menyentuh dengan pasukan keselamatan. Peramba/kaola/saya tidak lupa melihat beberapa keperluan yang perlu diambil perhatian seperti memberikan perkhidmatan yang berkualiti sesuai dengan cabaran yang dihadapi. Ini selaras dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Hari Polis yang ke-96 yang antara lain bertitah:-

'Jenayah bukan sahaja menjadi ancaman kepada individu malah kepada negara keseluruhannya kerana itu Pasukan Polis Diraja Brunei perlu mempertingkatkan kapasiti dan kapabiliti setanding dengan pasukan-pasukan polis yang cemerlang di dunia.' Baginda juga menitahkan 'agar pasukan polis tidak hanya ditahap yang ada tetapi mesti berubah mencari jalan yang lebih baik.'

Sehaluan dengan titah di atas, peramba/kaola/saya melihat agar pasukan polis dapat memberikan membuat perubahan dan inisiatif dengan mengadakan dan menjalankan program-program kursus-kursus dan latihan-latihan bagi kapasiti kepolisan secara berterusan khususnya bagi pegawai-pegawai dan anggota-anggota yang berpangkat rendah dengan meningkatkan profesionalisme masing-masing. Juga dicadangkan agar dapat membuat penilaian ke atas keberkesanan apa yang telah dijalankan dengan mengenal pasti tenaga-tenaga pengajar yang benar-benar berkelayakan dan berkemahiran dalam pasukan polis dalam meningkatkan strategi hala tuju program pengawasan kejiranian yang ada pada masa ini agar kejadian-kejadian jenayah dapat dikesan dengan penuh profesional.

Sekian. Wabillahitaufik walhidayah Assalamualaikum Warahmatullahi Ta’ala Wabarakatuh.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:
Sekarang saya jemput Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin:

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَّاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola dengan hormat menjunjung kasih setinggi-tingginya atas limpah kurnia titah di Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan keempat Belas Majlis Mesyuarat Negara bagi tahun 2018.

Antara titah itu menyeru mempelbagaikan ekonomi. Kaola menjunjung kasih setinggi-tingginya khususnya mengenai *Small Medium Enterprise (SME)*. Penanaman nenas seharusnya dihidupkan semula di Kampung Tungku khasnya bahawa tanaman nenas di kampung itu sudah menjadi tradisi turun-temurun. Kualiti nenas di kampung berkenaan sangat-sangat memuaskan dari segi rasanya dan bentuk buahnya berbanding dengan nenas yang didatangkan dari luar negara.

Baru-baru ini sudah ada 82 orang mendaftar untuk berkebun nenas yang terdiri daripada penduduk asli Kampung Tungku hanya saja tapak belum lagi dapat di kawasan kampung tersebut. Tapak yang dicadangkan adalah bekas ladang ternakan sapi Kampung Tungku iaitu *Mc Farm*. Kaola percaya dengan adanya kemahiran dari penduduk kampung tersebut penanaman nenas secara komersial dapat direalisasikan.

Menyentuh mengenai perusahaan madu kelulut dan produk-produk hilirannya. الحمد لله dengan adanya di kampung-kampung pada masa ini pemasarannya hanya akan dapat untuk pengguna dalam negara sahaja. Apa yang diharapkan suatu hari nanti akan dapat menembus pasaran luar negara dengan adanya bantuan perundingan kementerian-kementerian berkenaan.

Kaola menimbulkan perkara ini ada kaitan dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin

Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddien Sa’adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketiga Belas Majlis Mesyuarat Negara yang mana mengikut kajian *small and medium enterprise* menyumbang 70% KDNK negara-negara maju. Sekian terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:
Saya jemput Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii.

Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته بسم الله الرحمن الرحيم
dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Lebih dahulu, kaola mengucapkan tahniah kepada semua ahli baru yang dilantik kerana jawatan dan terima kasih juga kepada mantan-mantan Yang Berhormat atas perkhidmatan dan sumbangan bakti mereka kepada Negara Brunei Darussalam yang dicintai.

Kaola juga menyokong sepenuhnya atas Usul yang disampaikan oleh Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang telah menyembahkan ucapan berbanyak-banyak menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang telah bercemar duli berangkat ke Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Keempat Belas Majlis Mesyuarat Negara dan berkenan mengurniakan titah pada hari tersebut.

Sesungguhnya titah baginda amatlah padat dengan peringatan dan *call to action* kepada semua lapisan masyarakat Brunei untuk mengambil langkah perubahan atas kepentingan kemajuan ekonomi sebagai peranan yang penting. Titah baginda mencerminkan kebijaksanaan baginda selaku pemimpin tertinggi negara dalam memastikan kesejahteraan rakyat dan penduduk negara ini akan sentiasa terpelihara dengan rahmat Allah Subhanahu Wata’ala.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Baginda menyarankan kepada Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara supaya menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan dengan bersikap terbuka dan bebas dalam memberikan apa jua pandangan dan cadangan. Baginda berulang kali menyebutkan beberapa isu mustahak yang berkaitan dengan tajuk besar, memperkasakan pembangunan ekonomi negara dan beberapa peranan utama yang perlu dinilai semula. Pembangunan tenaga manusia baginda telah bertitah adapun untuk mendapatkan khidmat konsultan atau pekerja luar adalah sesuatu yang biasa diamalkan tetapi itu bukanlah bererti untuk selama-lamanya.

Mengenai perkara ini, kaola ingin mengusulkan supaya peningkatan peluang kepada graduan dan tenaga manusia Brunei untuk menjanakan perjalanan dan pendedahan di luar negeri iaitu *internationalization of Bruneian* sebagai contoh melalui *GLC* atau *FDI* yang boleh jadi *platform* ke atas pembangunan sumber tenaga manusia yang berpengalaman bukan sahaja di dalam negeri tetapi juga antarabangsa.

Kepentingan generasi muda diberi peluang untuk bermula awal dan pelajaran dan kekuatan berdaya tahan memang dalam perjuangan mereka. Sokongan juga dari pihak swasta perlu lagi dipertingkatkan dengan cara proaktif melalui program peningkatan tenaga manusia yang masih dijalankan oleh pihak kerajaan.

Kaola juga menyokong apa yang baginda tekankan dalam titah bahawa pembangunan tidak akan berjalan lancar sekiranya peraturan dan undang-undang tidak dilaksanakan dengan sempurna. Kerana itu langkah menguatkuasakan peraturan dan undang-undang amatlah perlu. Seperti apa yang rakan Ahli-Ahli Yang Berhormat perhatikan dan telah memberi pandangan, di sinilah pihak yang berkenaan juga dapat menjalankan *call of community approach* yang melibatkan semua penduduk dan rakyat Brunei.

Pertumbuhan pembangunan ekonomi dan peluang pekerjaan perlu digandingkan. Kaola bercadang memberi pandangan bahawa kami telah

lama meletakkan kepentingan *local business development* iaitu *LBD*. Mungkin inilah masa yang relevan untuk kitani bertukar kefahaman untuk menjadi *local business development (LBD 2.0)*. Untuk perniagaan yang mengikuti pendekatan tanggungan peniaga-peniaga tempatan yang sedar akan ada cadangan untuk memberi ganjaran atau menghargai dan diberi inisiatif.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dalam usaha yang lebih ambil perubahan yang terbaik bagi Brunei apa yang kita bincangkan dan bahaskan dalam Dewan ini akan lebih mantap dan bermakna sesuai dengan titah baginda supaya janganlah isu-isu hanya dibincangkan dan dibahas tanpa ada susulan perlaksanaan. Perlulah dilihat apa yang sudah dicapai dan sekiranya belum maka perlulah membuat tindakan pembaikan.

Kita sebagai negara yang berpegang kepada Melayu Islam Beraja mementingkan kesefahaman melalui bermuzakarah adalah perlu bagi kita mengutamakan ketelusan atau *transparency* yang merupakan kekuatan kenegaraan. Sekian terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:
Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong:
Terima kasih السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Yang Berhormat Yang Di-Pertua.
Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Kaola selaku wakil Daerah Tutong juga iaitu Zon 1 menggabungkan diri turut menyokong Usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri bagi sama-sama menyembahyang setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan dan pengurniaan titah Baginda pada Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Keempat Belas Majlis Mesyuarat Negara pada hari Isnin, 17 Jamadilakhir 1439 bersamaan 5 Mac 2018.

Sesungguhnya titah baginda amat padat dengan nasihat dan peringatan dan pandangan jauh yang mencerminkan kebijaksanaan pemimpin negara dalam memastikan kesejahteraan rakyat dan penduduk negara yang kita cintai ini sentiasa terpelihara dengan rahmat Allah Subhanahu Wata'ala jua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Saranan titah baginda agar kita terus berusaha mempelbagaikan ekonomi berdasarkan harga minyak sering sahaja terlihat tidak menentu dan pertumbuhan ekonomi tetap sahaja pada paras yang

rendah. Tidak syak lagi ini, sektor swasta perlu diperkasa dan merangkumi berbagai-bagai bidang seperti perindustrian, pertanian, perikanan dan perladangan dan sebagainya.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Dalam menghadapi pelbagai situasi dan persekitaran usaha memajukan ekonomi ini asset yang penting yang perlu adalah sumber tenaga manusia yang berilmu yang berkepakaran dan berkemahiran dan kita juga jangan lupa betapa pentingnya peningkatan nilai modal insan untuk membentuk sama ada seorang pengusaha pertanian sebagai yang progresif dalam kualiti dan kuantiti apa juga yang diusahakan.

Komuniti perniagaan terutamanya industri kecil dan sederhana dan pengusaha perlu menyambut baik informasi kerajaan dan mengambil peluang untuk mengembangkan perniagaan dan penghasilan, bukan sahaja untuk pasaran tempatan tetapi untuk eksport ke luar negara. Menyentuh titah baginda sudah sampai masanya untuk Brunei berdikari dalam makanan asas iaitu beras yang mana baginda menekankan supaya diusahakan sampai berhasil. Kaola berpendapat untuk langkah jangka pendek di samping menumpukan peningkatan hasil dan kawasan pada padi dan beras daripada penanam padi yang tidak bermusim di Kampung Wasan, Mukim Pengkalan Batu dan sekitarnya.

Pengusaha padi bermusim yang berselerak di seluruh negara sebahagian besarnya di Daerah Tutong, Temburong

dan juga Belait perlu diberi bantuan seperti nasihat, baja dan jika ada kawasan yang luas mereka ini perlu disatukan sebagai satu ladang bagi memudahkan memberi bantuan dan mengawal musuh seperti pipit dan sebagainya.

Sementara untuk jangka panjang, penglibatan belia sangat penting dalam bidang pertanian khasnya pengusaha padi memandangkan pengusaha dan penanam padi. Yang ada sekarang ini kitani melihat mereka itu sudah berumur 50 tahun ke atas dan tidak mempunyai impian yang tinggi hanya untuk mengisi masa dan menanam padi sudah menjadi darah daging mereka.

Oleh itu, kerajaan dan swasta hendaklah berkerjasama dan jangan kendur-kendur membantu pinjaman modal dan membimbing para pengusaha dan peniaga yang aktif dalam bidang masing-masing seperti pemakanan, pelancongan, pengangkutan, pertanian, penternakan dan lain-lain lagi sehingga mereka itu mencapai kejayaan terutama dalam kalangan belia kerana mereka inilah harapan kita untuk meneruskan hasrat negara untuk mencapai Wawasan Negara Brunei 2035.

Akhirnya, sebagai penutup marilah kita sama-sama berdoa agar negara kita sentiasa dalam aman dan makmur dengan izin Allah Subhanahu Wataala. Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:
Saya persilakan Yang Berhormat

Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman.

Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Osman @ Othman:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-Ahli Yang Berhormat yang kaola hormati sekalian.

Kaola mewakili rakyat di Zon II, Daerah Brunei Muara dengan penuh hormat dan takzim menyokong sepenuhnya dan bersetuju atas Usul dan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri bagi menyembahyang sepenuhnya menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas Keberangkatan baginda Bercemar Duli ke Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Keempat Belas Majlis Mesyuarat Negara pada 5 Mac 2018 kelmarin.

Dalam kesempatan ini juga, kaola ingin mengucapkan tahniah kepada menteri-menteri baharu yang dilantik sebagai Ahli

Majlis Mesyuarat Negara dan terima kasih juga kepada mantan-mantan menteri yang tidak lagi bersama kita di Dewan yang mulia ini atas sumbangan bakti mereka terhadap negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Kaola amat menjunjung tinggi titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalan yang merupakan satu titah yang berpandangan jauh lagi telus dalam mengingati kita semua akan bertanggungjawab untuk memfokuskan segala perbincangan mengenai perkara-perkara yang strategik yang membawa kesan kepada kesejahteraan dan kemakmuran rakyat dan negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola suka cita menyentuh mengenai isu kebersihan yang telah dititahkan oleh baginda mengenai pembersihan Brunei dari sampah dan kotoran. Titah baginda ini merupakan satu isu nasional. Masyarakat tidak seharusnya memandang ringan terhadap pembuangan sampah di tempat-tempat yang bukan dikhaskan dan melonggokkan sampah-sampah di kawasan-kawasan awam, mencemarkan kawasan-kawasan riadah sehingga ia menjaskan kebersihan dan imej negara.

Kita selaku orang ramai dan masyarakat perlulah memainkan peranan kita selaku individu, ketua keluarga dan pemimpin

serta pengguna untuk memastikan bahawa sampah-sampah tidak akan dibuang di merata-rata tempat. Memberikan contoh baik agar kita selaku orang Brunei mempunyai budaya yang sentiasa mengamalkan kebersihan.

Kaola juga menjunjung titah baginda agar akta berkaitan dengan menangani pembuangan sampah ini perlu dibuat kajian bagi memastikan ia benar-benar dapat menangani dan membendung isu pembuangan sampah dengan sekali gus akta tersebut memberikan impak dan kesan kepada pesalah-pesalah.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Akhirnya marilah sama-sama kita bermesyuarat dengan penuh dedikasi dan merancang perjalanan ekonomi negara dan selebihnya kita berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala semoga apa jua kita rancang Allah Subhanahu Wata'ala yang berkuasa menentukan-Nya, Aamin.

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيقُ وَالْهُدَىٰ وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ
Sekian Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:
Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung.

Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ
الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاٰ
وَالْأَمْرُ مُتَّقِيْنَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٌ وَعَلَىٰهِ وَصَاحِبِيهِ أَجْمَعِيْنَ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ
dalam salam sejahtera.

Kaola menyokong penuh Usul Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri bagi menyembahyang ucapan setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang telah bercemar duli berangkat ke Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Keempat Belas Majlis Mesyuarat Negara yang telah berlangsung semalam, 5 Mac 2018.

Dalam titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, kaola mengambil sebahagian daripada titah itu, bahawa kaola menjunjung kasih setinggi-tingginya atas titah baginda terutama sekali menekankan, mendaulatkan akta-akta atau undang-undang dengan pelaksanaannya.

Atas dasar itu, selaku rakyat Negara Brunei Darussalam sewajarnyalah menjunjung tinggi titah baginda itu dengan menghormati dan mematuhi semua undang-undang dan peraturan-peraturan serta menjadikannya sebagai panduan serta petunjuk ke arah mewujudkan sebuah kerajaan yang berwibawa, mempunyai masyarakat bertamadun tinggi sentiasa maju berlandaskan Melayu Islam Beraja (MIB).

Sehubungan dengan itu, selain itu pelaksanaan semua undang-undang dan peraturan hendaklah sentiasa melihat kepada kesesuaianya dan kesempurnaannya serta menggerakkannya dengan adil dan penuh bertanggungjawab. Mudah-mudahan negara kitani Brunei Darussalam beroleh berkat daripada Allah Subhanahu Wata'ala juga.

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيقُ وَالْهُدَىٰ وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ

Sekian,
Terima kasih.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Terima kasih. Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita telah pun mendengar kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat di sebelah kiri saya. Maka sekarang saya beralih pandangan saya pula ke sebelah kanan. Saya jemput sekarang Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Awang Haji Mohd. Isham bin Jaafar, silakan.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan:

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيمِ
اللّٰهُمَّ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلٰوةُ وَالسَّلَامُ عَلٰى أَئْمَانِي
وَأَمْرِي مُحَمَّدٌ وَعَلٰى أَهْلِ وَصَاحْبِي أَجْمَعِينَ

Ahli-Ahli Yang Berhormat. kaola memanjatkan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan rahmat dan izin-Nya juga kita semua dapat menghadiri Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Keempat Belas Majlis Mesyuarat Negara yang mulia ini.

Kaola dengan segala hormat dan takzim menyembahyang menjunjung kasih setinggi-tingginya atas kurnia dan kepercayaan Kebawah Duli Yang Maha

Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas pelantikan kaola sebagai Menteri Kesihatan dan sebagai Ahli Majlis Mesyuarat Negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola sukacita menyokong sepenuhnya Usul dan kandungan ucapan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri bagi menyembahkan ucapan setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan baginda ke Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Keempat Belas Majlis Mesyuarat Negara pada hari Isnin, 17 Jamadilakhir 1439 bersamaan 5 Mac 2018 dan juga pengurniaan titah yang penuh hikmah dan bijaksana yang banyak tertumpu kepada ekonomi yang dipelbagaikan dan pertumbuhannya yang lebih mampan.

Baginda juga bertitah mengenai kepentingan kebersihan serta pelaksanaan undang-undang dan

peraturan-peraturan yang lebih sempurna.

الحمد لله di bawah Kementerian Kesihatan terdapat beberapa undang-undang dan peraturan-peraturan yang dikuatkuasakan yang meliputi isu-isu tertentu demi untuk menjaga kesihatan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk negara ini yang antara lainnya meliputi kawalan tembakau dan penggunaan produk tembakau, pengawalan ubat-ubatan dan produk-produk yang dijual bagi *consumption* orang ramai.

Pengawalan dan pencegahan penyakit berjangkit serta profesionalisme ahli-ahli profesional kesihatan. Dalam hal ini, Kementerian Kesihatan telah dan akan terus menguatkuasakan undang-undang yang berkenaan dengan lebih sempurna selaras dengan keperluan di dalam negara dan piawaian antarabangsa.

Kementerian Kesihatan juga akan terus mempertingkatkan dan mengukuhkan lagi usaha untuk memastikan keselamatan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam yang kita cintai ini sentiasa terjamin.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Penjelasan lanjut berhubung tindakan-tindakan akan diperjelaskan lagi semasa perbincangan peruntukan Kementerian Kesihatan.

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Kesihatan. Sekarang saya persilakan Yang

وَبِاللهِ التوفيق وَالْهُدَى وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Berhormat Dato Seri Paduka Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud, Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri: Mula-mula sekali izinkanlah kaola sekali lagi membacakan firman Allah Subhanahu Wata'ala yang telah dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abd. Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Haji Abdul Rahim yang telah membawakan ucapannya dengan ayat ini:

رَبِّ أَدْخِلْنِي مُدْخَلَ صَدْقٍ وَأَخْرِجْنِي مُخْرَجَ صَدْقٍ وَاجْعَلْنِي مِنْ
لَذْنَكَ شَلُّطَنًا نَصِيرًا

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat semua. Kaola/saya, sebagai menyokong dan menambah sebagai lanjutan daripada Usul menjunjung kasih yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Kaola lebih dahulu ingin menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan dan limpah kurnia titah

baginda sempena Istiadat Pembukaan Rasmi Meyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Keempat Belas Majlis Mesyuarat Negara pada hari Isnin, 17 Jamadilakhir 1439 bersamaan 5 Mac 2018 semalam.

Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tersebut sesungguhnya amat berhemah dan bermasyarakat serta bernas yang mengandungi nasihat dan pengamatan yang tajam serta pandangan jauh baginda yang mencerminkan dengan jelas keprihatinan dan kebijaksanaan dalam memastikan kemakmuran dan kesejahteraan negara sentiasa terjamin terutama dalam keadaan kita sekarang ini.

Titah baginda tersebut memberi penekanan kepada perlunya usaha yang serius baik dari pihak kerajaan maupun dari pihak swasta untuk merangsang pertumbuhan dan mempelbagai ekonomi bagi memastikan kelangsungan hidup sebagai bangsa dan negara yang merdeka.

Dari penelitian kaola, titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam itu berkisar antara lain kepada perkara-perkara berikut:

1. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sangat mengharapkan semua ahli dapat mengumukakan buah fikiran dan

- seterusnya mencadangkan perkara-perkara yang dapat membawa perubahan-perubahan besar kepada negara. Pendapat atau pandangan pula hendaklah diberikan tanpa takut-takut atau ragu-ragu demi kebaikan bersama dan negara;
2. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga menekankan supaya kita semua sandar-menyarang sebagai sebuah pasukan yang terus aktif dalam usaha-usaha mempelbagaikan ekonomi negara dan bersama menggembeleng tenaga bagi pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (*KDNK*);
3. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kemudian, menyarangkan pula untuk memberikan fokus kepada bidang pertanian kerana keupayaan menyara diri penting untuk negara; dan
4. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam seterusnya memfokuskan kepada pengurusan yang baik serta pengurus tempatan di peringkat atasan yang dapat memimpin syarikat ke arah kecemerlangan. Titah baginda ini memang tepat dan elok untuk kita semua jadikan panduan bukan sahaja bagi perbincangan di Dewan yang mulia ini, tetapi juga panduan bagi semua sektor di negara ini termasuk rakyat dan penduduk.
- Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Harga minyak masih begitu belum lagi stabil akan terus memberikan impak kepada hasil negara. Kebanyakan daripada kita mungkin berpandangan bahawa negara hanya berdepan dengan krisis ketidaktentuan harga minyak.
- Walau bagaimanapun, kita sebenarnya sedang meghadapi cabaran yang lebih besar iaitu untuk memastikan pertumbuhan ekonomi yang mampan, tanpa bergantung sepenuhnya pada hasil minyak dan gas. Usaha-usaha kita untuk menghadapi cabaran ini perlu diteruskan iaitu kita perlu sama-sama bertindak dan bergerak melaksanakan langkah-langkah yang wajar secara lebih efektif melalui pendekatan *whole of nation* bagi meningkatkan produktiviti negara.
- Ini bermakna sektor-sektor kerajaan dan swasta serta seluruh rakyat dan penduduk berganding bahu berperanan untuk meningkatkan produktiviti masing-masing menyumbang kepada aktiviti-aktiviti pertumbuhan ekonomi negara. Penglibatan dan kerjasama semua pihak adalah mustahak bagi menjana pertumbuhan ekonomi yang menjadi teras kepada usaha-usaha kerajaan yang dimaksudkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam bagi mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035 iaitu peranan yang dimainkan oleh perkhidmatan awam. Seluruh warga perkhidmatan awam perlu bergerak secara aktif dan optimum bagi mendukung bagi matlamat ini.

Dalam hal ini, semua kementerian dan agensi kerajaan sepatutnya telah merangka strategi dan membuat penyejajaran dengan tiga matlamat utama Wawasan Brunei 2035, khususnya yang menjurus kepada kepelbagaian dan pertumbuhan ekonomi. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga sering kali bertitah memberi penekanan kepada usaha-usaha yang menyeluruh terutama kepada bidang yang dianggap utama seperti pertanian dan makanan asasi. Fokus utama ialah untuk mampu memenuhi sara diri dan tidak lagi bergantung pada pihak luar.

Kaola berpendapat, perkara ini antaranya ada kaitannya dengan prinsip dan konsep *food security*. Kita tidak tahu apa yang akan terjadi kepada negara-negara pembekal sama ada mereka mempunyai kemampuan untuk membekalkan keperluan makanan secara berpanjangan atau berterusan ataupun tidak, lebih-lebih lagi dunia pada masa ini menghadapi cabaran seperti cabaran perubahan iklim (*climate change*), kekurangan makanan (*food shortages*) dan seumpamanya.

Penglibatan para belia secara aktif dalam bidang pertanian penting dan sangat-

sangat digalakkan, bahkan sangat dikehendaki berkemungkinan juga perkara ini boleh diperkenalkan semula satu subjek pertanian dan amali dalam kurikulum sekolah. Diharapkan dengan cara ini, kita mampu menanamkan minat anak-anak tempatan untuk berkecimpung secara serius dalam bidang pertanian dan keusahawanan. Khusus dalam bidang ini, sektor-sektor swasta perlu mendukung usaha-usaha kerajaan untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi.

Dalam hubungan ini, pengusaha-pengusaha tempatan adalah diseru untuk melipatgandakan lagi usaha demi mencapai dan pasaran eksport kerana negara kita akan mampu bergerak pantas untuk mencapai pertumbuhan ekonomi, kecuali pengusaha-pengusaha tempatan menyasarkan pasaran eksport yang terbentang luas.

Seperti mana yang telah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tekankan dalam titah baginda iaitu "*Sudah sampai masanya untuk anak-anak tempatan kita mengisi jawatan-jawatan yang strategik di syarikat-syarikat antarabangsa yang beroperasi di negara ini. Ini antara lain bagi memastikan bahawa keutamaan dan kepentingan negara serta sentiasa terjaga dan terpelihara. Inilah yang kita idam-idamkan selama ini. Idaman itu sudah nampak beberapa tahun yang lepas yang anak-anak tempatan kita sudah mula memegang jawatan-jawatan penting dan utama di syarikat-syarikat tertentu, terutamanya Syarikat Minyak*

Shell Brunei. Tetapi mungkin disebabkan kealpaan dan sikap pangling kita, proses itu terbantut tegasnya luput.

Akhir sekali kaola ingin menyembahkan sekali lagi setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas limpah kurnia titah baginda.

Sekian، وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيقُ وَالْهَدَايَا السَّلَامُ عَلَيْكُمْ مَوْرَحَمَةُ اللّٰهُو تَرَكَانَة

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Sekarang saya jemput Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama. Silakan Yang Berhormat Pehin.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيمِ

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola lebih dahulu mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih atas ruang yang diberikan kepada kaola untuk menyertakan diri menyokong Usul menyembahkan junjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas kurnia titah baginda merasmikan Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim

Permesyuaratan Keempat Belas Majlis Mesyuarat Negara semalam yang telah dicadangkan oleh oleh Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada sebelah pagi tadi.

Kaola memohon izin berdiri setakat ingin menyentuh mengenai satu aspek dari banyak aspek yang sangat berasas dan yang penting dari titah baginda itu iaitu aspek ekonomi. Sesungguhnya adalah tepat seperti titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bahawa di mana-mana sahaja terdapat kecenderungan orang bercakap mengenai ekonomi maka kita pun demikian juga sangat mengambil berat dalam bidang ekonomi itu.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Dalam senario dalam pergantungan negara kita pada hasil minyak dan gas yang titah baginda menyebutkan walaupun permintaan global meningkat dan harga minyak mulai pulih pada kadar yang menggalakkan. Namun pertumbuhan ekonomi tetap sahaja diramal masih berada pada paras yang rendah. Lalu kerana itu, titah baginda lagi kita tetap perlu tetap terus mengawal imbalan fiskal negara dalam jangka masa pendek dan jangka panjang.

Inti pati dan nada titah baginda itu sangat tepat apabila baginda menegaskan bahawa ini sahaja tidak memadai. Langkah berjimat memang baik dan terpuji tetapi semata-mata

berjimat tanpa ada usaha ke arah pertumbuhan adalah salah sikap yang tidak diterima. Maka baginda menekankan bahawa di samping berjimat kita mesti menggembung tenaga bagi pertumbuhan secara besar-besaran Keluaran Dalam Negara Kasar (*KDNK*).

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola percaya gema titah baginda sedemikian itu sedang berlegar tidak sahaja dalam Dewan ini dalam kalangan kita sedewen bahkan juga dalam kalangan orang ramai di luar Dewan yang berkehormat ini.

Ia tentu menjadi perhatian berat oleh semua pihak yang berkenaan dalam kerajaan terutamanya dan bahkan juga oleh pihak-pihak sektor awam khasnya swastawan-swastawan yang bergiat dalam ekonomi. Kesemua pihak, sangat menjunjung tinggi titah baginda itu.

Kaola percaya sedemikian yang khasnya secara jelas dan terang baginda menitahkan keperluan kita di negara ini meneroka bidang yang tidak dapat diabaikan lagi bahawa baginda mahu diusahakan sampai berhasil supaya Brunei titah baginda, kaola petik supaya Brunei berdikari dalam pemakanan khasnya berdaya usaha untuk menyara diri sendiri dengan makanan asasi iaitu beras.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Dari sudut ugama memenuhi keperluan menyara diri itu khasnya dari segi pemakanan adalah sangat dituntut dan dipenuhi. Kaola percaya baginda menitahkannya tidak semata-mata

kerana dorongan dan perhitungan ekonomi, bahkan adalah dengan keinsafan bahawa baginda sebagai Wali Amri negara dan rakyat ingin menyempurnakan kewajipan dan tanggungjawab kepimpinan baginda di negara iaitu kewajipan di sisi Allah Subhanahu Wataala.

Oleh yang demikian adalah menjadi kewajipan kepada kita semua dalam kerajaan dan di luar kerajaan untuk menjayakan titah sedemikian itu.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Selanjutnya dalam perkara ini kaola memohon untuk bercakap sedikit lagi mengenai ekonomi ini iaitu ada satu hal utama yang kaola suka cita ingin menyentuh dalam keperluan kita untuk terus mengawalimbangan fiskal negara dalam jangka pendek dan jangka panjang yang baginda rasakan tetap perlu kita lakukan itu.

Kaola teringat beberapa waktu yang lalu di tengah-tengah mulanya merudum harga minyak sedunia pada waktu itu beberapa artikel telah keluar di surat-surat khabar dari luar negeri dipetik oleh media sosial dan juga dipetik di beberapa artikel akhbar dalam negeri.

Beberapa penulis dan penganalisa ekonomi dari luar negara dan bahkan kaola percaya ada seorang dua penulis dari negara ini. Rata-rata tidak sahaja meramalkan bahkan berkesimpulan bahawa Brunei akan sangat terjejas yang ia jika tidak mengambil langkah berjimat ia akan sampai menjadi sebuah negara yang gagal (*the failures state*). Yang

tidak sahaja menyusahkannya bahkan juga oleh orang lain, negara lain yang turut memberi perhatian terhadapnya. Lalu apa yang disibukkan pada ketika itu, Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Yang disibukkan kepada kita apa?. Kaola yakin, kaola tidak salah mengingat bahawa rata-rata mereka itu menyebutkan dasar subsidi kerajaan kita untuk tidak sahaja di-reform bahkan dihentikan ataupun paling ringan dengan lebih dahulu meniadakan atau mengurangkan subsidi-subsidi kepada kalangan rakyat yang berkemampuan yang disebut sebagai mereka rakyat yang tidak memerlukan.

الْحَمْدُ لِلّٰهِ Yang Berhormat Yang Di-Pertua, analisis dan kesimpulan sedemikian itu tidak sampai mempengaruhi Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menuruti seperti yang disarankan.

Kerajaan tidak pun menyentuh dasar-dasar kebijakan menerusi subsidi-subsidi yang lazim dinikmati oleh negara ini yang kitani sendiri sedia maklum apa saja ia. Mengapa sedemikian? Kaola percaya kerana Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bahkan baginda sendiri sangat menyedari bahawa Brunei menikmati rezeki Allah dari perut bumi-Nya di laut dan di darat-Nya adalah berkat daulat negara yang berkebijikan yang diasaskan dengan teguh oleh arkitek modennya, Al-Marhum

Sultan Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan.

Kaola yakin Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kita di Dewan ini sama ada yang tua ataupun yang muda ataupun yang sedang berangkak-rangkak ke usia tua. Mungkin pernah mendengar ristaan dari orang-orang tua yang sezaman dan sebahagiannya yang sempat memahami langkah-langkah kenegaraan Al-Marhum itu memimpin Brunei ini, bahawa kita di Brunei ini hendaklah bersemangat kebijikan.

Kita di Brunei ini, satu sama lain hendaklah bersemangat berampit-ampit. Semangat itulah Yang Berhormat Yang Di-Pertua, apa yang tertera dalam mutu atau semboyan bertulis pada kibaran bendera negara, **اددا ايمونل محسنو نا بيلاهدى** yang terjemahannya "Sentiasa Berbuat Kebajikan Dengan Petunjuk Allah" Ia slogan dalam Bahasa Arab bukan petikan ayat Al-Quran ataupun hadis. Slogan ini telah mendatangkan rahmat kepada Brunei apabila dilaksanakan sebegitu rupa dengan asas yang kukuh pemerintahan zaman Al-Marhum, dan itulah berkatnya kerajaan Al-Marhum itu sehingga mewariskan negara ini dan pemerintahan ini iaitu negara dan pemerintahan yang berkat kepada Paduka Anaknda Baginda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien.

Begitulah Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kaola menyebutkan hal ini tidak dengan maksud menolak kepentingan kita rakyat negara ini untuk tetap bersikap pasif ataupun kaola memberikan *impression* kepada khayalak di dalam dan di luar dewan ini supaya kita bersikap pasif bersikap semata-mata berharap kepada kerajaan.

Kaola fikir *wording* atau frasa atau *phrase* yang tepat bukanlah bersikap semata-mata atau berharap kepada kerajaan. Tetapi kerana memang padan pada hemat kaola dan memang wajib kita rakyat negara ini menaruh harapan kepada kerajaan. Harapan untuk melindungi dan memelihara kepentingan kita. Jadi perggantungan dan harapan kita kepada kerajaan itu adalah dalam makna kita ini adalah *stakeholders* yang berhak untuk merasakan dan berhak untuk berfaham *sense of belonging* terhadap Brunei Darussalam yang berpemerintahan beraja, beradat budaya Melayu, berpegang kuat pada agama Islam. Demikian, Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Terima kasih.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:
Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persiakan Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Silakan.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan:

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua kerana memberi peluang bagi kaola untuk

berucap secara ringkas sebagai menyokong Usul Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri iaitu Usul menjunjung kasih setinggi-tingginya titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Keempat Belas, Majlis Mesyuarat Negara pada hari Isnin, 17 Jamadilakhir 1439 bersamaan 5 Mac 2018.

Tidak syak lagi bahawa kandungan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah sangat padat dan meliputi berbagai-bagai aspek terutamanya dalam bidang ekonomi, undang-undang dan penguatkuasaan undang-undang.

Oleh itu, kaola menyokong dan mendukung setinggi-tingginya titah, teguran dan nasihat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam itu. Menyentuh berkenaan hasrat untuk meningkatkan sara diri, beras negara yang menarik perhatian hampir kesemua Ahli Yang Berhormat dalam perbahasan berkenaanya sepanjang hari ini. Kaola suka cita menyampaikan status terkini usaha

untuk meningkatkan keluaran padi dan beras negara.

Sebagai langkah pertama langkah awal dalam meningkatkan sara diri beras ini Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan sedang dalam usaha memperkenalkan benih padi hasil tinggi iaitu Padi Titih yang boleh menghasilkan 8.5 tan matrik padi sehektar semusim berbanding Padi Laila yang ketika ini menghasilkan 3 tan matrik sehektar semusim sahaja.

Walau bagaimanapun seperti juga Padi Laila jenis padi ini juga hanya ditanam kawasan ladang-ladang yang berairan penuh seperti kawasan Ladang Wasan, Panchor Murai, Batong, Limau Manis dan lain-lain. Disebabkan terdapat sistem perairan yang baik melalui telaga Imang maka penanaman padi juga boleh diusahakan dua kali setahun.

Di kawasan lain yang bergantung kepada air hujan seperti di Daerah Belait, Tutong dan Temburong, maka benih padi jenis *BDR 5* akan terus digalakkan. Padi ini berupaya memhasilkan sekitar 5 ke 2 ke 5 tan matrik tan padi semusim. Disebabkan perairan ladang bergantung air hujan maka penanaman padi akan dibuat sekali setahun sahaja.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ kombinasi pengenalan benih padi hasil tinggi dan dengan penaikan taraf sistem perairan beberapa kawasan ladang pertanian dan dengan sokongan gigih dari peladang-peladang jua maka kita berharap untuk dapat meningkatkan keluaran padi dari 2000 tan matrik setahun pada tahun 2015 kepada 7,700

tan matik setahun menjelang tahun 2020. ini bererti kita dapat meningkatkan sara diri beras negara dari 6% pada tahun 2015 kepada 20% menjelang tahun 2020.

Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan juga sedang membuat kolaborasi dengan berbagai-bagai institusi antarabangsa dalam membuat kajian bagi mendapatkan benih padi yang berhasil lebih tinggi lagi iaitu sehingga 12 tan metrik hektar semusim. Jika kajian ini berhasil maka kita boleh meningkatkan tahap sara diri beras negara kepada 30%.

Cabarannya utama dalam usaha meningkatkan produktiviti ialah jenis tanah ladang kita yang mengandungi kandungan asid yang tinggi dan kekurangan sungai-sungai yang besar sebagai sumber air yang banyak untuk tanaman padi yang mudah seperti yang terdapat di negara Thailand, Myanmar, Cambodia dan lain-lain.

Walau bagaimanapun walaupun kita menghadapi berbagai-bagai cabaran sama ada dari segi kesuburan tanah, keberadaan air dan benih-benih padi yang berkualiti tinggi dan peladang-peladang yang gigih dan serius namun Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan tidak akan jemu-jemu berikhtiar untuk meningkatkan sara diri beras negara ke peringkat yang setinggi-tingginya seperti juga yang dihasratkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam

dalam titah sempena Pembukaan Rasmi Mesyuarat pada tahun ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Sekianlah sahaja kenyataan ringkas kaola berkenaan dengan Usul menyokong titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Keempat Belas Majlis Mesyuarat Negara ini dan juga sebagai kenyataan untuk menyahut beberapa kenyataan daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat pada pagi ini. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Terima kasih. Ahli-Ahli Yang Berhormat nampaknya tidak ada lagi Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain yang suka untuk membahaskan Usul yang berkenaan ini telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri bagi menyembahkan sepenuh-penuhnya menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddien Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan baginda ke Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Keempat Belas Majlis Mesyuarat Negara yang telah diadakan pada hari Isnin 17 Jamadilakhir 1439 bersamaan 5 Mac 2018 yang dicadangkan oleh Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri sekarang diluluskan. الحمد لله persidangan seterusnya beredar untuk membincangkan Perkara VII – Rang Undang-Undang.

Maka saya berpandangan ada baiknya Usul ini sekarang kita undi. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Terima kasih. Nampaknya keseluruhan Ahli Yang Berhormat bersetuju dengan Usul yang dikemukakan. Maka Usul untuk menyembahkan sepenuh-penuhnya menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddien Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan baginda ke Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Keempat Belas Majlis Mesyuarat Negara yang telah diadakan pada hari Isnin 17 Jamadilakhir 1439 bersamaan 5 Mac 2018 yang dicadangkan oleh Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri sekarang diluluskan. الحمد لله persidangan seterusnya beredar untuk membincangkan Perkara VII – Rang Undang-Undang.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Rang Undang-Undang yang akan dicadangkan oleh Yang Berhormat Dato Seri Paduka Dr. Awang Haji Mohamad Amin Liew bin Abdullah, Menteri Kewangan II Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang persidangan berpindah ke Perkara VII Rang Undang-Undang. Saya persilakan Yang Berhormat Menteri Kewangan II untuk membuat kenyataan Rang Undang-Undang berkenaan. Silakan.

Yang Berhormat Menteri Kewangan II: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَّكَاتُهُ
and
salam sejahtera.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dengan segala hormatnya kaola memohon izin untuk mengemukakan satu Rang Undang-Undang yang bergelar "**Suatu Akta Untuk Membekalkan Sejumlah Wang Dari Kumpulan Wang Yang Disatukan Bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2018/2019 dan untuk memperuntukkan wang yang tersebut ini bagi maksud-maksud tertentu**" untuk bacaan kali pertama. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat Menteri Kewangan II sebentar tadi telah memohon izin bagi Rang Undang-Undang yang bergelar "**Suatu Akta Untuk Membekalkan Sejumlah Wang Dari Kumpulan Wang Yang Disatukan Bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2018/2019 dan untuk memperuntukkan wang yang tersebut ini bagi maksud-maksud tertentu**" telah dibaca bagi kali yang pertama. Silakan.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Satu Rang Undang-Undang yang bergelar "**Suatu Akta Untuk Membekalkan Sejumlah Wang Dari Kumpulan Wang Yang Disatukan Bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2018/2019 dan untuk memperuntukkan wang yang tersebut ini bagi maksud-maksud tertentu.**"

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Rang Undang-Undang yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II telah pun dibaca bagi kali pertama. Saya kira kita semua letih dan saya kira cukuplah persidangan kita pada hari ini dan saya ingin menangguhkan mesyuarat kita ini sehingga esok pagi إِن شاء الله hari Rabu, 7 Mac 2018 mulai pukul 9.00 pagi. Sekian

وَبِاللهِ التَّوْفِيقُ وَالهُدَىٰ وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَّكَاتُهُ

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)